

Fasa dua MRT 17 Julai

PUTRAJAYA - Fasa dua perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Semantan-Kajang akan dilancarkan pada 17 Julai ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, fasa kedua itu akan melengkapkan jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51km.

Beliau berkata, fasa pertama laluan Sungai Buloh-Semantan yang mempunyai 12 stesen mula beroperasi pada 16 Disember lalu.

"Melalui kedua-dua fasa MRT itu, kerajaan menjangkakan perkhidmatan ini akan dapat memberi manfaat kepada lebih 500,000 penumpang yang menggunakannya pada setiap hari," katanya.

Fasa dua MRT Semantan-Kajang sejauh 30km itu melibatkan 19 stesen yang akan melalui kawasan berpenduduk tinggi seperti Kajang dan Cheras serta destinasi popular pelancong seperti Muzium Negara dan Pasar Seni.

Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51km ini terdapat 31 stesen di sepanjang laluan ini termasuk tujuh adalah stesen bawah tanah.

Setiap tren mempunyai empat gerabak dengan kapasiti penumpang sebanyak 1,200 orang. Kekerapan tren dijangka setiap 3.5 minit apabila dilancarkan. - *Bernama*